

# BULETIN PELESTARIAN

BAHAGIAN PENDAFTAR, UTM KUALA LUMPUR



## TEMA EDISI



## APA ITU E-WASTE

Oleh : Puan Noorhafiza binti Noordin



JOM LIHAT APA YANG ADA  
DALAM ISU KALI INI

**KEMPEN AMALAN  
PELESTARIAN 3R**

**SESI PERKONGSIAN  
ISES (SUSTAINABILITY):  
JOM AMALKAN 3R,  
APA ITU 3R?**

**ADAPTASI EKSA  
SEMASA BEKERJA DARI  
RUMAH (BDR)**

**SANITASI RUANG  
KERJA BPKL**

E-waste merupakan peralatan elektrik dan elektronik yang telah rosak, tidak berfungsi, usang dan tidak diperlukan.


### E-WASTE, KENAPA PERLU KITAR SEMULA?

E-Waste memberi kesan buruk kepada manusia dan alam sekitar jika tidak diuruskan secara mesra alam.

### CONTOH PERALATAN BOLEH DIKITAR SEMULA




Peti Ais



Penghawa  
Dingin



Telefon  
Bimbit



Televisyen



Komputer  
Riba



Mesin  
Basuh



## E-WASTE, APA KESAN KEPADA ALAM SEKITAR JIKA TIDAK DILAKSANAKAN

Pelupusan e-waste ke tapak pelupusan sampah boleh memberi kesan kepada kualiti tanah. Logam berat seperti merkuri, plumbum dan kadmium yang terdapat dalam e-waste berpotensi untuk meresap ke dalam tanah dan menyebabkan pencemaran yang mengakibatkan ketidaksuburan tanah dan gangguan pertumbuhan tanaman.



**Kesan kepada Tanah**



### **Kesan kepada Air**

Pelupusan e-waste secara tidak mesra alam boleh menyebabkan kepada penyusupan toksin ke dalam sungai, tasik, kolam dan air bawah tanah. Ini mengakibatkan air sungai menjadi toksik dan berasid.

### **Kesan kepada Udara**

Pembakaran e-waste seperti peti sejuk dan penghawa dingin berpotensi melepaskan gas klorofluorokarbon (CFCs) dan gas-gas lain yang mencemarkan kualiti udara. Kesannya boleh menyebabkan penipisan lapisan ozon dan pemanasan global.







# KEMPEN AMALAN 3R PELESTARIAN


Oleh Cik Azian Suzana binti Mustafa



## • Sudut Go Green BPKL

Diwujudkan bagi mengumpul dan mengasingkan barang-barang yang boleh di kitar semula iaitu kertas, plastik dan kaca.

Barangan yang dikumpul akan dijual dan hasil jualan akan dimasukkan ke dalam Tabung EKSA untuk kegunaan bersama bagi mewujudkan persekitaran kerja yang lebih kondusif.



## • Sudut Kitar Semula BPKL

Diwujudkan sebagai langkah bagi menjimatkan penggunaan kertas. Kertas *recycle* digunakan bagi tujuan fotokopi dan simpanan rekod.

Kertas yang mengandungi maklumat sulit dan telah digunakan kedua-dua belah helaian tidak boleh dijadikan kertas *recycle* dan perlu dirincih (*Shred*).



12 RESPONSIBLE CONSUMPTION AND PRODUCTION



13 CLIMATE ACTION



# SESI PERKONGSIAN ISES (SUSTAINABILITY): JOM AMALKAN 3R, APA ITU 3R?

Bagi meningkatkan lagi pemahaman dan amalan pelestarian 3R di kalangan warga Universiti, Seksyen Pembangunan Bakat dengan kerjasama Jawatankuasa Pelestarian Bahagian Pendaftar UTM Kuala Lumpur telah menganjurkan satu Sesi Perkongsian ISES (Sustainability) bertajuk "Jom Amalkan 3R, Apa itu 3R?" pada 29 Jun 2021 (Selasa) yang lalu. Sesi perkongsian ini telah disampaikan oleh penceramah jemputan, Tuan Mohd Zahir bin Shari, Pengarah Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), Wilayah Persekutuan secara atas talian melalui aplikasi Facebook Live dan aplikasi Webex Bahagian Pendaftar.



Antara intipati utama sesi perkongsian ini adalah penerangan mengenai pengurusan sisa pepejal dan amalan 3R menerusi tiga (3) elemen iaitu *Reduce* (Kurangkan), *Reuse* (Guna Semula) dan *Recycle* (Kitar Semula).

Selain itu, sesi perkongsian ini juga secara tidak langsung bertujuan untuk memupuk dan menerapkan nilai murni di kalangan warga Universiti terhadap pemeliharaan alam sekitar.

Melalui perkongsian ini, kaedah dan jenis bahan bagi setiap elemen 3R turut diperincikan dengan jelas misalnya bagi kaedah kitar semula, inisiatif yang boleh dilaksanakan adalah seperti *upcycling* iaitu barangan peribadi diubahsuai penggunaannya secara kreatif.



Selain itu, amalan 3R di pejabat dapat mewujudkan persekitaran yang kondusif dan mendatangkan pelbagai manfaat. Antara manfaat yang diperolehi ialah dapat memaksimumkan penggunaan barangan dan menjimatkan kos, mengelakkan sisa bercampur, menjana pendapatan melalui **Trash to Cash** dan mengurangkan sisa dihantar ke tapak pelupusan.



Secara kesimpulannya, amalan 3R ini adalah sangat penting untuk dijadikan budaya dalam kehidupan seharian bagi menjamin kelestarian alam sekitar.



3 GOOD HEALTH AND WELL-BEING



8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH



11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES



# ADAPTASI ELEMEN EKSA SEMASA BEKERJA DARI RUMAH (BDR)

Konsep SoHo : *Small Office Home Office*

Oleh Puan Nurul Syahida binti Seberi

Konsep SoHo dengan penyesuaian Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) telah diperkenalkan melalui sesi Sesi Renungan Pagi, BPKL Bil 11/2021 pada 9 Ogos 2021 yang lalu. Ia dapat di adaptasi semasa Bekerja Dari Rumah (BDR) dan seterusnya mengikut arus norma baharu ketika negara dilanda wabak Covid-19.

## Apa itu Konsep SoHo?

- Pejabat kecil pejabat rumah.
- Menggabungkan tempat tinggal dengan ruang bekerja.
- Tidak memerlukan ruang yang besar kerana terdapat inovasi reka bentuk dalaman semasa yang membolehkan penggunaan ruang yang lebih pintar, walau bersaiz kecil.

## Penyesuaian Lima (5) Konsep SoHo dengan Komponen EKSA



**RUANG KERJA**  
Komponen B (Fizikal)  
Komponen D



**MEJA KERJA**  
Komponen B  
(Ruang Kerja)



**STORAN RUANG KERJA**  
Komponen B  
(Ruang Kerja)



**KELENGKAPAN KERJA**  
Komponen B  
(Keperluan Umum)



**HIASAN RUANG KERJA**  
Komponen A  
Komponen B  
(Keperluan Umum)



**CONTOH KONSEP SOHO**



# SANITASI RUANG KERJA

## BAHAGIAN PENDAFTAR UTM KUALA LUMPUR

Oleh Puan Siti Nur Adilah binti Mhd Ismail



Bahagian Pendaftar UTM Kuala Lumpur telah melaksanakan inisiatif sanitasi di ruangan kerja Bahagian Pendaftar UTM Kuala Lumpur secara berkala pada 16 April 2021, 18 Mei 2021, 28 Jun 2021 dan 19 Julai 2021.

Sesi sanitasi ini bertujuan untuk memastikan keselamatan warga kerja yang hadir ke pejabat daripada dijangkiti wabak berbahaya COVID-19 dikhuatiri mungkin disebabkan oleh sebaran virus dari pelanggan yang telah berurusan di BPKL.

Sesi sanitasi ini juga merupakan langkah proaktif Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan BPKL bagi menjaga kebajikan warga BPKL. Sehubungan itu, sanitasi pembasmian kuman ini telah dilaksanakan dengan kerjasama dari Pejabat Harta Bina UTMKL.

Selain itu sanitasi secara berkala dan berterusan oleh warga BPKL di ruang utama seperti ruang kaunter dan ruang kerja di BPKL turut dijalankan bagi sama-sama membasmi penularan virus di tempat kerja.

### BERSIH, INDAH DAN SEJAHTERA





# SIDANG REDAKSI

---

## PENASIHAT

*Tn. Hj. Mohd Najib bin Masroom  
Ketua Bahagian, Bahagian Pendaftar UTMKL*

## KETUA EDITOR

*Puan Nurulhaslinda binti Muhd Sidek  
Pegawai Pelestarian, Bahagian Pendaftar UTMKL*

## PEREKA GRAFIK

*Puan Nurul Syahida binti Seberi*

## PENULIS BERSAMA

*Puan Noorhafiza binti Noordin  
Cik Azian Suzana binti Mustafa  
Puan Nurul Syahida binti Seberi  
Puan Siti Nur Adilah binti Mhd Ismail*

## PEMBACA PRUF

*Cik Azian Suzana binti Mustafa*



**DITERBITKAN OLEH  
JAWATANKUASA PELESTARIAN  
BAHAGIAN PENDAFTAR, UTM KUALA LUMPUR**